

PEMBANGUNAN KANDUNGAN MODEL PROTOTAIP FALSAFAH BAHASA PENYATUAN BANGSA MENGGUNAKAN TEKNIK DELPHI

DEVELOPING A PROTOTYPE MODEL OF THE RACE IN THE PHILOSOPHY OF LANGUAGE USING DELPHI TECHNIQUE

Mohd Khaidir Abdul Wahab

ABSTRAK

Kajian ini memfokuskan proses membangunkan kandungan Model Prototaip Falsafah Bahasa Penyatuan Bangsa dalam kalangan 23 orang panel pakar. Gabungan kaedah kuantitatif dan kualitatif diimplimentasikan dalam kajian ini. Seramai 23 orang pakar dalam bidang falsafah bahasa, bahasa Melayu, Pendidikan, Sosiologi dan Sosiobudaya telah dipilih untuk menjadi informan kajian ini. Pada pusingan pertama kajian ini dijalankan melalui protokol temu bual untuk mendapatkan pandangan pakar dalam bidang falsafah bahasa tentang elemen falsafah bahasa yang dijangkakan berpotensi untuk penyatupaduan nasional. Dapatan dari pusingan pertama ini akan disusun secara tematik sebelum dihantar kepada informan untuk pusingan kedua dan ketiga yang terdiri daripada pakar dalam bidang bahasa Melayu, Pendidikan, Sosiologi dan Sosiobudaya. Dapatan daripada pusingan kedua dan ketiga adalah untuk mendapatkan median dan Julat Antara Kuartil (JAK). Dapatan kajian ini menunjukkan 7 tema dan 35 elemen falsafah bahasa untuk penyatupaduan nasional telah dibentuk dan disepakati oleh 23 orang pakar setelah melalui tiga pusingan Delphi. Kajian ini berjaya membangunkan kandungan Model Prototaip Falsafah Bahasa Penyatuan Bangsa secara khusus dan asli. Implikasi kajian ini dapat memperluaskan skop dan peranan falsafah bahasa daripada bidang yang hanya berfokus kepada pendidikan bahasa kepada usaha penyatupaduan nasional.

Kata kunci: Pembangunan, Falsafah Bahasa, Teknik Delphi, Model Prototaip, Penyatupaduan Nasional

ABSTRACT

This study focuses on the process of developing a prototype model of the Race in the Philosophy of Language Among 23 panel of experts. The combination of quantitative and qualitative methods implemented in this study. About 23 experts in the field of philosophy of language, Malay, Education, Sociology and Socio-Cultural determined to become informants in this study. In the first round of this study through interview protocol to seek the views of experts in the field of philosophy of language, philosophy of language elements that are expected potentially to national integration. The results of this first round will be organized thematically before being sent to the informant for the second round and the third consisting of experts in the Malay language, education, sociology and socio-cultural. The results of the second round and the third is to get the median and interquartile range (JAK). The results showed that 7 themes and 35 elements of the philosophy of language for national integration has been established and agreed upon by the 23 experts after three rounds of Delphi. Overall findings related to the expectations of the themes and elements of language philosophy that seeks to create integration of National Learning and Facilitation (PdPc) of the Malay language is able to expand the scope and role of the philosophical language of the field, which only focuses on language education to business integration nationwide with more precision because it is a high reach agreement among experts of different fields but lead to the same goal. This study has successfully developed the Special and Original Language Philosophy Language Model. Implications of this study can extend the scope and role of language philosophy from a field that focuses only on language education on national integration efforts.

Keywords: the development, the Delphi Technique, prototype model, national integration

PENDAHULUAN

Umumnya, bidang falsafah bahasa ialah percantuman antara kajian falsafah dan kajian bahasa (Khairuddin Mohamad, Ghazali Ismail dan Mastura Mohamed Berawi, 2014; Awang Sariyan, 2014; A. Chaedar Alwasilah, 2010; Asep Ahmad Hidayat, 2009; Hashim Musa, 2006). Hakikatnya, Pembelajaran dan Pemudah Cara (PdPc) bahasa bukan sekadar mengetahui selok-belok bahasa, bunyi, ejaan, perkataan dan kosa kata dalam binaan ayat, frasa dan klausanya (Hashim Musa, 2006).

Dalam usaha pembinaan dan kebangkitan sesebuah negara, bahasa merupakan aspek yang penting sebagai wahana kreativiti, penyaluran ilmu, keterampilan serta nilai masyarakat dari generasi ke generasi (Awang Sariyan, 2014; 2004). Justeru itu, berdasarkan keperluan strategi penyatupaduan nasional dalam menghadapi kepelbagaian kaum yang kini semakin mencabar, pelaksanaan penyerapan elemen falsafah bahasa untuk penyatupaduan nasional dirasakan perlu untuk menjadi pelengkap kepada Pembelajaran dan Pemudah Cara (PdPc) bahasa Melayu sedia ada yang lebih memfokuskan kepada penguasaan sistem dan kemahiran bahasa.

Hal ini bertepatan dengan penekanan aspek penyerapan melalui pelaksanaan pendekatan bersepadu pendidikan bahasa Melayu. Penyerapan ialah penyepaduan elemen yang relevan dalam PdPc bahasa Melayu yang memberi penekanan terhadap aspek

penyepaduan elemen bidang ilmu; hal ehwal persendirian dan kemasyarakatan; semangat kewarganegaraan dan nilai-nilai murni masyarakat Malaysia. Ringkasnya, strategi penyerapan yang diamalkan dalam PdPc bahasa Melayu dikenali sebagai penyerapan ilmu dan nilai (Awang Sariyan, 2004; Mohd Khaidir Abdul Wahab, 2017; Mohd Khaidir Abdul Wahab, Mohd Rashid Md. Idris dan Abd Kadir Ariffin, 2017; Mohd Khaidir Abdul Wahab dan Mohd Rashid Md Idris, 2016).

TEKNIK DELPHI

Teknik Delphi telah diasaskan pada era 1950-an oleh Abraham Kaplan di California, Amerika Syarikat tetapi teknik ini tidak pernah digunakan. Sebaliknya, disimpan sebagai rahsia hampir 10 tahun sehingga Gordon dan Helmer dari the Rand Corporation memperkenalkannya sewaktu menyediakan Laporan RAND (Saedah Siraj, 2008). Teknik Delphi bukan merupakan sesuatu kaedah penyelidikan yang baru (Norlidah Alias, 2010; Saedah Siraj, 2008). Malahan kaedah kajian ini telah lama digunakan untuk penyelidikan dalam menilai hala tuju trend-trend khusus sains dan teknologi dan impak-impak bidang kemungkinan ke atas masyarakat termasuk serangan bom ke atas Amerika Syarikat pada masa hadapan (Gordon & Helmer, 1964). Teknik Delphi telah dibangunkan di The Rand Corporation pada tahun 1946.

Pemilihan Teknik Delphi dalam kajian ini berdasarkan pengetahuan umum dan kepercayaan bahawa pandangan pakar mampu memberikan sumbangan yang bermakna dalam menyelesaikan permasalahan kompleks (Rosnah Ishak, 2013; Landeta & Barrutia, 2011). Donnelly (2006) pula berpendapat Teknik Delphi merupakan satu pendekatan untuk mendapatkan kesepakatan atau konsensus pendapat pakar mengenai masa depan tanpa sebarang pengaruh peribadi. Hal ini kerana teknik tersebut melalui proses memungut ilmu pengetahuan daripada pakar dengan menggunakan soal selidik yang berasingan tetapi pendapat dan dapatannya dikawal. Dalam Teknik Delphi, beberapa pusingan maklum balas adalah proses yang begitu penting. Proses ini membolehkan setiap pakar Delphi menyemak semula penilaian yang telah dibuat dalam pusingan sebelumnya (Rosnah Ishak, 2013; Muhammad Faizal A.Ghani, 2008; Saedah Siraj, 2008). Apa yang lebih penting ialah kaedah kutipan data menggunakan teknik ini sesuai digunakan untuk mendapatkan lebih banyak maklumat bagi masalah atau fenomena yang masih baharu (Skulmoski, Hartman dan Krahn, 2007; Linstone dan Turoff, 2002). Selain itu, teknik ini juga sesuai untuk mengkaji isu yang kompleks apabila data dalam bentuk kuantitatif gagal untuk mendapatkan lebih banyak pengetahuan tersirat dalam minda dan pandangan pakar (Rosnah Ishak, 2013; Grisham, 2009). Seterusnya, proses mereka bentuk dan membuat kesahan ke atas instrumen dapat dibuat dengan lebih tepat melalui pendapat panel pakar yang lebih ramai, berpengetahuan dan berautoriti sebagaimana yang dilakukan dalam kajian ini (Rosnah Ishak, 2013; Linstone & Turoff, 2002; Manizade & Mason, 2010; Su-Fen, Chien-Lin, Kuan-Chia & Lee-Hsieh, 2010; Muhammad Faizal A.Ghani, 2008).

Kajian ini memfokuskan proses membangunkan kandungan Model Prototaip Falsafah Bahasa Penyatuan Bangsa pada fasa reka bentuk yang menggunakan Teknik Delphi. Sebanyak tiga pusingan Delphi telah dijalankan berdasarkan kaedah yang digunakan oleh Stylianides dan Pashiardis (2007). Tiga sesi pusingan Delphi adalah mencukupi untuk memenuhi keperluan kajian sekiranya kesepakatan dalam kalangan pakar telah dicapai dalam pusingan tersebut (Rosnah Ishak, 2013; Manizade & Mason, 2010; Muhammad Faizal A.Ghani, 2008; Skulmoski et al., 2007).

SOROTAN LITERATUR

Sungguhpun bidang falsafah bahasa rancak diperkatakan dan menjadi bahan rujukan ahli falsafah bahasa barat dan Islam sejak dahulu lagi, namun di Malaysia bidang ini jarang diperkatakan secara meluas dalam konteks ilmiah dan dianggap sebagai bidang yang masih baharu. Malahan bahan dan sumber bacaan yang secara khusus mengkaji bidang falsafah bahasa dengan berdasarkan input bahasa Melayu amat sukar ditemui.

Kajian Awang Sariyan (1997) pada dasarnya bertujuan merumuskan falsafah pendidikan bahasa menurut tasawur Islam sebagai alternatif kepada falsafah pendidikan Barat yang didapati terbahagi kepada pelbagai kecenderungan aliran falsafah dan teori. Antara dapatan kajian beliau berkaitan persepsi guru tentang Pendekatan Bersepadu Pendidikan Bahasa Melayu, perancangan pengajaran dan pelaksanaan pengajaran menunjukkan tahap persetujuan yang tinggi dalam kalangan responden kajian yang terdiri daripada guru Bahasa Melayu. Berdasarkan dapatan awal kajian dalam bidang falsafah bahasa ini menunjukkan sejak era 90-an lagi guru Bahasa Melayu telah mula menyedari kepentingan aspek penyerapan ilmu, nilai dan kemahiran berfikir yang perlu diketengahkan dalam PdPc bahasa Melayu. Kajian Mohd Rashid Md Idris (2007) pula memberi tumpuan kepada falsafah bahasa khususnya berhubung fungsi bahasa menerusi data pantun tradisi dalam teks kajian "Kumpulan Pantun Melayu, 1983". Dapatan aplikasi Model Falsafah Bahasa yang dikemukakan oleh beliau terbahagi kepada tiga, iaitu i) analisis estetika bahasa dan aspek fizikal dan spiritual; (ii) analisis nilai intelek Melayu-Islam dan (iii) analisis nilai dan etika manusia budiman. Pada keseluruhannya, dapatan kajian ini memaparkan masyarakat Melayu mempunyai sistem nilai dan etikanya yang tersendiri dan agak tekal sifatnya berdasarkan pandangan dan penghayatannya.

Pada tahun 2010 kajian semula bidang falsafah bahasa yang menjurus kepada pendidikan bahasa Melayu telah direalisasikan oleh Mohd Rashid Md Idris dan Abu Hassan Abdul dalam bentuk "Geran Penyelidikan Universiti Pendidikan Sultan Idris" (Kod Penyelidikan:2010-0013-107-01). Geran penyelidikan ini bertajuk "Kajian Semula Falsafah Pendidikan Bahasa Melayu Sekolah Menengah di Malaysia". Penyelidikan ini merupakan lanjutan kajian yang pernah dilaksanakan oleh Awang Sariyan pada tahun 1997. Dapatan kajian dalam penyelidikan ini menunjukkan responden guru memberikan persepsi yang positif terhadap semua pernyataan yang disenaraikan dalam soal selidik sebagai item-item yang menggambarkan kepentingan falsafah pendidikan bahasa, perkaitan teori falsafah bahasa dalam pengajaran dan pembelajaran, penghayatan dan pemahaman falsafah bahasa dalam pengajaran dan pembelajaran, pengaplikasian falsafah pendidikan bahasa dalam pengajaran dan pembelajaran dan strategi meningkatkan falsafah pendidikan bahasa. (Mohd Rashid Md Idris & Abu Hassan Abdul, 2010, ms.86-87).

OBJEKTIF KAJIAN

Mendapatkan kesahan kandungan daripada pakar terhadap penyerapan elemen falsafah bahasa untuk penyatupaduan nasional dalam Pembelajaran dan Pemudah Cara (PdPc) bahasa Melayu. Selain itu, kajian ini juga turut menitikberatkan kesepakatan pakar terhadap setiap elemen falsafah bahasa untuk penyatupaduan nasional sebagai kandungan model prototaip.

Dalam fasa reka bentuk, proses mereka bentuk kandungan model prototaip ini berdasarkan kesepakatan pandangan panel pakar yang bertepatan dan mempunyai autoriti dalam bidang masing-masing. Kunci kejayaan kajian yang menggunakan Teknik Delphi bergantung pada pemilihan panel pakar. Begitu juga dapatan sesuatu kajian menggunakan Teknik Delphi amat bergantung pada ilmu pengetahuan dan kerjasama panel pakar (Saedah Siraj, 2008). Ini disokong oleh Hsu dan Sandford (2007) yang menyatakan bahawa panel pakar kajian yang dipilih perlulah dalam kalangan individu yang mempunyai kepakaran dalam bidang yang dikaji, berkeupayaan dan bersedia untuk melibatkan diri dalam kajian serta mempunyai kemahiran berkomunikasi. Hal ini kerana fasa reka bentuk ini merupakan fasa yang paling penting (Rosnah Ishak, 2013; Saedah Siraj, 2008). Worrell, Di Gangi & Bush (2012) juga mempunyai pendirian yang sama dalam hal ini dengan menyatakan bahawa kepentingan fasa reka bentuk ini bergantung kepada pemilihan informan kajian yang akan mempengaruhi kualiti sesuatu kajian.

SOALAN KAJIAN

- Sejauh manakah kesahan dan kesepakatan pakar tentang tema penyerapan elemen falsafah bahasa untuk penyatupaduan nasional dalam Pembelajaran dan Pemudah Cara (PdPc) bahasa Melayu?
- Sejauh manakah kesahan dan kesepakatan pakar tentang elemen Falsafah Bahasa untuk Penyatupaduan Nasional bagi setiap tema tersebut dalam Pembelajaran dan Pemudah Cara (PdPc) bahasa Melayu?

Proses mendapatkan kesepakatan pakar tersebut selari dengan pandangan Babbie (2001) yang berpendapat bahawa instrumen yang dibina berdasarkan kepakaran sekumpulan individu berupaya meningkatkan tahap kesahan dan kebolehpercayaan instrumen.

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini menggunakan Teknik Delphi. Teknik Delphi merupakan satu kaedah untuk menstrukturkan proses komunikasi berkumpulan menjadi lebih berkesan antara kumpulan individu atau keseluruhannya sewaktu menyelesaikan sesuatu permasalahan yang kompleks (Linstone dan Turoff, 2002). Panel pakar diminta untuk mengenal pasti, menjelaskan, memurnikan dan akhirnya mencapai konsensus terhadap isu-isu tertentu melalui beberapa siri pusingan soal selidik. Kelebihan teknik ini ialah panel pakar tidak perlu bertemu atau bersemuka. Oleh itu seorang pakar boleh menyatakannya tanpa dipengaruhi oleh pakar lain. Pakar yang telah dipilih adalah dirahsiakan daripada pengetahuan pakar lain (Saedah Siraj & Faridah Abdullah, 2005).

PANEL PAKAR

Untuk kepentingan kajian ini, pemilihan ahli panel Delphi dalam kajian ini berdasarkan lima kriteria yang berikut:

- memiliki kewibawaan ilmu dan pengetahuan dalam bidang Falsafah Bahasa, bahasa Melayu, Pendidikan, Sosiologi, dan Sosiobudaya di Malaysia;
- memiliki pengalaman dan autoriti dalam bidang Falsafah Bahasa, bahasa Melayu, Pendidikan, Sosiologi, dan Sosiobudaya di Malaysia;
- pakar merupakan penyelidik atau penulis yang prolific atau ahli akademik yang mempunyai ketokohan dalam memperjuangkan bahasa Melayu dan penyatupaduan nasional di peringkat kebangsaan atau antarabangsa;
- pakar merupakan warganegara Malaysia; dan
- pakar yang bersetuju dan bersedia memberikan komitmen untuk menyertai semua sesi pusingan Delphi.

Dalam penggunaan Teknik Delphi saiz panel pakar perlu diambil kira. Bilangan pakar berupaya menentukan kebolehpercayaan dan purata ralat kumpulan terhadap konsensus yang dibuat (Norlidah Alias dan Saedah Siraj, 2010; Boonan, 1979). Jadual 1 memaparkan perkaitan antara penurunan ralat dengan saiz panel.

Jadual 1: Perkaitan Pengurangan Ralat dengan Saiz Panel

Saiz Panel Pakar	Pengurangan Ralat	Perubahan Berkesan
1 hingga 5	1.20 kepada 0.70	0.50
5 hingga 9	0.70 kepada 0.58	0.12
9 hingga 13	0.58 kepada 0.54	0.04
13 hingga 17	0.54 kepada 0.50	0.50
17 hingga 21	0.50 kepada 0.48	0.50
21 hingga 25	0.48 kepada 0.46	0.50

25 hingga 29	0.46 kepada 0.44	0.50
--------------	------------------	------

Sumber: Boonan, 1979; Norlidah Alias dan Saedah Siraj (2010)

Untuk kepentingan saiz panel pakar telah ditetapkan oleh pengkaji, iaitu seramai 23 orang. Dua orang di pusingan pertama dan 21 orang lagi di pusingan berikutnya dalam Teknik Delphi. Berdasarkan Jadual 1, pemilihan saiz panel dalam kajian ini menunjukkan pengurangan ralat dari nilai 1.20 (saiz panel 1 hingga 5 orang) kepada 0.48 (saiz panel 21 hingga 25 orang). Dalam hal ini, pengkaji berpendapat bahawa saiz panel tersebut adalah relevan dan mampu diuruskan.

PROSEDUR PENGUMPULAN DATA

Pengumpulan data dilakukan bagi ketiga-tiga pusingan Teknik Delphi dan huraian bagi setiap pusingan adalah seperti berikut:

PUSINGAN PERTAMA-PROTOKOL TEMU BUAL

Sesi pusingan pertama Delphi dilaksanakan secara temu bual. Kaedah temu bual melibatkan dua orang informan kajian yang merupakan pakar dalam bidang Falsafah Bahasa. Selanjutnya, proses temu janji telah dibuat dan sesi temu bual telah dijalankan pada tarikh yang dipersetujui bersama oleh pengkaji dan informan kajian. Sebelum sesi temu bual dijalankan, pengkaji menerangkan terlebih dahulu aspek berikut kepada kedua-dua informan, iaitu (i) tujuan kajian dilaksanakan berpandu kepada kerangka konseptual dan reka bentuk kajian; (ii) konsep teknik Delphi; (iii) syarat-syarat untuk menganggotai kajian menerusi surat persetujuan informan kajian; (iv) kepentingan penglibatan mereka dalam sesi pusingan pertama. Setelah informan memahami aspek berikut, tempoh masa sesi temu bual ditetapkan antara 2 jam hingga 2 jam 30 minit berdasarkan kajian rintis. Ketika sesi temu bual dijalankan, pengkaji meminta kebenaran daripada informan untuk merekodkan perbualan. Pengkaji telah mematuhi beberapa prosedur sepanjang melaksanakan sesi temu bual bagi menghasilkan dapatan yang mantap.

PUSINGAN KEDUA- PENGURUSAN ITEM SOAL SELIDIK

Dalam sesi pusingan ini, seramai 21 orang informan kajian yang merupakan pakar dalam bidang bahasa Melayu, Pendidikan, Sosiologi dan Sosiobudaya dikehendaki untuk berinteraksi dengan instrumen soal selidik yang dibina hasil daripada dapatan temu bual dalam sesi pusingan pertama. Dalam sesi pusingan ini, pengkaji menemui para informan dan menyerahkan surat iringan berserta instrumen soal selidik. Pada peringkat ini juga, pengkaji menerangkan kaedah menjawab item instrumen soal selidik seperti yang termuat di dalam kandungan surat iringan tersebut. Antara kandungan surat iringan tersebut ialah (i) mereka dikehendaki menyatakan tahap persetujuan terhadap setiap item yang dikemukakan melalui skala likert lima poin; dan (ii) mereka juga dibenarkan untuk mencadangkan item baharu, menggugurkan item dan menambah baik item sedia ada di ruangan yang telah disediakan oleh pengkaji. Setelah maklum balas dari kesemua informan diterima, data tersebut dianalisis dengan menggunakan kaedah statistik deskriptif bagi tujuan pembinaan instrumen soal selidik yang digunakan dalam sesi pusingan ketiga kajian Delphi.

PUSINGAN KETIGA- PENGURUSAN ITEM SOAL SELIDIK

Dalam sesi pusingan ketiga ini, instrumen soal selidik yang telah dibina hasil pandangan informan dalam sesi pusingan kedua. Seterusnya, pengkaji sekali lagi menyerahkan surat iringan berserta instrumen soal selidik. Surat iringan tersebut mengandungi maklumat, iaitu: (i) informan kajian dikehendaki menyatakan semula tahap persetujuan mereka terhadap item tersebut berdasarkan skala likert lima poin; (ii) bagi item sedia ada, sekiranya tahap persetujuan informan kajian menjangkau skala majoriti, mereka dikehendaki untuk memberikan alasan; (iii) para informan tidak dibenarkan untuk menambahkan sebarang item baharu kerana dalam sesi pusingan ini bertujuan untuk merapatkan jurang perbezaan pandangan dalam kalangan informan kajian (Rosnah Ishak, 2013; Linstone dan Turoff, 2002 & Muhammad Faizal A. Ghani, 2008).

PENGANALISISAN DATA

PUSINGAN PERTAMA

Antara perkara penting yang perlu dilakukan sebelum memulakan proses menganalisis data ialah memastikan proses merekod dan melabel semua maklumat secara sistematik. Kemudian, data temu bual ditranskripsi dan tanda notasi utama dimasukkan berdasarkan Sistem Jefferson (Jefferson, 1984) untuk membolehkan data dibaca dengan kaedah sebagaimana ia dipertuturkan oleh informan kajian (Grbich, 2007). Jadual 2 menunjukkan contoh tanda notasi menggunakan Sistem Jefferson.

Jadual 2: Contoh Notasi untuk Analisis Perbualan Menggunakan Sistem Jefferson

(.)	berhenti sekejap
(0.3), (2.6)	berhenti dalam tempoh tertentu
><	perkataan di antara tanda ini disebut dengan pantas

><	perkataan di antara tanda ini disebut perlahan
↑perkataan	peningkatan intonasi
↓perkataan	penurunan intonasi
<u>Perkataan</u>	perkataan yang disebut dengan kuat/ditekan
PERKATAAN	perkataan yang disebut dengan sangat kuat/dijerit
.hhh	tarikan nafas
hhh	hembusan nafas
()	ungkapan yang tidak dapat dikenalpasti
(())	perbuatan semasa bercakap, contoh ((batuk))

Sumber: Adaptasi daripada “Qualitative Data Analysis: An Introduction,” oleh C. Grbich, 2007

Proses mengorganisasikan data melibatkan aktiviti menaip data yang telah ditranskripsikan ke dalam lajur yang mempunyai dua ruangan kosong di sebelah kanan. Namun demikian, penyusunan data diubah suai dengan meletakkan ruangan kosong di bahagian kiri dan kanan teks. Untuk memudahkan semakan, lajur ini telah diberikan nombor di bahagian kiri (Rosnah Ishak, 2013; Creswell, 2008). Dalam hal ini cadangan Holland (2007) berkaitan kaedah mengorganisasikan data diterima pakai. Dua kaedah yang dicadangkan oleh beliau ialah mengekod dan mengkategorikan data. Kaedah mengekod bermula dengan membaca berulang kali data yang telah ditranskripsikan. Tema dan elemen yang dijangka wujud ditulis menggunakan kod. Setiap data disemak untuk memastikan ia sepadan dengan mana-mana kod tema yang ada. Jika data tersebut tidak sepadan dengan kod yang sedia ada, tema baharu dengan kod yang baharu diwujudkan. Perkataan atau ayat yang memberi makna tertentu akan diberi tanda kurungan (). Proses pelabelan data dengan kod tertentu berdasarkan tema yang dibuat di bahagian kanan lajur berkenaan.

PUSINGAN KEDUA DAN KETIGA

Data dalam sesi pusingan kedua dan ketiga dianalisis menggunakan kaedah statistik berbentuk Ukuran Kecenderungan Berpusat (UKB) dan Julat Antara Kuartil (JAK). UKB digunakan untuk mencari satu nilai tunggal yang dapat mewakili keseluruhan data (Rosnah Ishak, 2013; Parmjit et al., 2009). Oleh itu, dalam kajian ini, UKB akan melibatkan skor min dan median. Penggunaan skor min adalah untuk melihat urutan keutamaan item berdasarkan pandangan dalam kalangan informan. Skor median pula digunakan untuk mengenal pasti pernyataan yang diperlukan untuk membentuk item instrumen soal selidik dalam setiap sesi pusingan kajian Delphi, iaitu untuk melihat tahap persetujuan informan (Muhammad Faizal A. Ghani, 2008). Manakala skor Julat Antara Kuartil (JAK) pula digunakan untuk menentukan perhubungan setiap item dengan informan. Dalam kajian ini, skor JAK digunakan untuk menggambarkan tahap kesepakatan dalam kalangan informan terhadap sesuatu item instrumen soal selidik (Rosnah Ishak, 2013; Norlidah Alias, 2010; Muhammad Faizal A. Ghani, 2008). Berpandukan kepada Saedah Siraj dan Mohd Paris Saleh (2010) dan Rosnah Ishak (2013), tahap kesepakatan pakar terhadap item ditentukan seperti dalam Jadual 3.

Jadual 3: Penentuan Tahap Kesepakatan Pakar Berdasarkan Nilai Julat antara Kuartil. (JAK)

Nilai JAK	Tahap kesepakatan pakar
0.00 hingga 1.00	Tinggi
1.01 hingga 1.99	Sederhana
2.00 ke atas	Tiada

Berikut pula adalah skala persetujuan terhadap item dalam kalangan informan Delphi yang berdasarkan skala Likert lima poin.

- 5 – Sangat Setuju (SS)
- 4 – Setuju (S)
- 3 – Agak Setuju (AS)
- 2 – Tidak Setuju (TS)
- 1 – Sangat Tidak Setuju (STS)

DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN

DAPATAN PUSINGAN PERTAMA

Jadual 4: Contoh Pengkodan Tema dan Elemen daripada Transkripsi Temu Bual Pakar

Bil	Maklumat Kajian Pakar 1	Kod	Tema dan Elemen	
1	<p><u>BAHASA MAMPU MENJADI SUMBER PENYATUPADUAN</u> melalui perspektif agama (.) >> proses taaruf/ berkenal-kenalan untuk mengambil kekuatan bangsa lain, bertukar maklumat kekuatan bangsa dan akhirnya bahasa itu menjadi sumber penyatupaduan hhh ((batuk)) <u>Melalui perspektif sejarah</u> membuktikan bahasa Melayu telah menjadi lingua franca dan bahasa perhubungan utama masyarakat. melalui taaruf berkenal-kenalan bukan sekadar kenal secara zahir tetapi kekuatan untuk mengambil kekuatan bangsa lain, bertukar-tukar maklumat kekuatan bangsa dan akhirnya bahasa itu menjadi sumber penyatupaduan ((batuk)). <u>Dalam konteks negara kita, bahasa Melayu itu menjadi bahasa penyatupaduan oleh sebab itulah bahasa yang dituturkan sebagai bahasa utama.</u> (↑) ungkapan <u>BAHASA MENUNJUKKAN BANGSA jelas menunjukkan bahawa wujudnya hubungan intrinsik antara bahasa dan sikap, pemikiran dan perilaku sesuatu bangsa itu yang dapat diidentifikasi melalui pemakaian bahasa dalam konteks pembinaan diri faktor bahasa merupakan faktor asas selain akal dan kewujudan diri manusia sebagai makhluk yang patuh kepada khaliq itu dimungkinkan oleh faktor bahasa kerana manusia mengakui Allah sebagai Tuhan (Surah al-Araf: 172) (.)</u>.Pengajaran bahasa tidak akan bererti sepenuhnya jika hakikat bahasa, peranan bahasa dalam pembentukan konsep diri insan, peranan bahasa dalam <u>pengilmuan individu dan masyarakat dan peranan bahasa dalam proses pewarisan nilai</u> serta tamadun tidak dijadikan landasan proses pengajaran dan pembelajaran bahasa. <mengisi aspek kandungan bahas(↑) <u>Proses penyepaduan unsur-unsur ilmu, hal ehwal persendirian dan kemasyarakatan, semangat kewarganegaraan dan nilai-nilai murni masyarakat Malaysia dalam pengajaran dan pembelajaran bahasa Melayu. Strategi penyerapan yang diamalkan dalam pengajaran dan pembelajaran bahasa Melayu dikenal sebagai “penyerapan ilmu dan nilai”.</u> (↓) <u>Guru perlu sentiasa menerapkan kepentingan bahasa.</u> Ini kerana, untuk menjadi individu yang berilmu memerlukan ilmu bahasa. ()Dalam hierarki ilmu bahasa itu sebagai asas untuk penguasaan ilmu baru (ilmu khusus/ umum). Hhh Guru perlu sentiasa <u>menyerapkan aspek kebangsaan dalam pengajaran bahasa Melayu agar rasa hormat dan menghargai dapat disemai dalam kalangan murid-murid.</u> Taraf bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan amat besar artinya, terutama sebagai lambang dan unsur penyatuan bangsa Malaysia.</p>	KSP (01)	<p>Tema: Konsep Falsafah Bahasa Untuk Penyatupaduan Nasional Elemen: 1. Taaruf/berkenalan 2. Lingua Franca</p>	
2		MT (01)		<p>Tema: Matlamat Falsafah Bahasa Untuk Penyatupaduan Nasional Elemen: 1. Bertukar maklumat kekuatan bangsa 2. Sumber penyatu</p>
3		KPT (01)	<p>Tema: Kepentingan Falsafah Bahasa Untuk Penyatupaduan Nasional. Elemen: 1. Hubungan instrinsik bahasa dan pemikiran. 2. Pembinaan diri</p>	
4		KK (01)		<p>Tema: Kurikulum Falsafah Bahasa Untuk Penyatupaduan Nasional. Elemen: 1. Hakikat bahasa 2. Pewarisan nilai</p>
5		SPM (01)	<p>Tema: strategi Pembelajaran Murid Elemen: 1. Penyerapan ilmu dan nilai</p>	
6		SPG (01)		<p>Tema: Strategi Pengajaran Guru Elemen: 1. Menerapkan kepentingan bahasa</p>
7				
8				
9				
10				
11				
12				
13				
14				
15				
16				
17				
18				
19				
20				
21				
22				
23				
24				
25				
26				
27				
28				
29				
30				
31				
32				
33				
34				
35				
36				
37				
38				
39				
40				
41				
42				
43				
44				
45				
46				

Penganalisan data kajian sesi pusingan pertama Delphi mengenal pasti 30 elemen falsafah bahasa untuk penyatupaduan nasional. Penemuan tersebut telah dikelompokkan mengikut tema masing-masing, seperti berikut.

- Tema "Konsep falsafah bahasa untuk penyatupaduan nasional" melibatkan 5 elemen yang diketengahkan untuk merangka strategi penyatupaduan nasional melalui kaedah penyerapan dalam pengajaran bahasa Melayu. [KSP 01/ KSP 02].
- Tema "Matlamat falsafah bahasa untuk penyatupaduan nasional" mempunyai 5 elemen yang menjurus kepada matlamat penyerapan elemen falsafah bahasa untuk penyatupaduan nasional. [MT 01/MT 02].
- Tema "Kepentingan falsafah bahasa untuk penyatupaduan nasional" mempunyai 5 elemen yang memperlihatkan per pentingannya penyerapan elemen falsafah bahasa dalam pengajaran bahasa Melayu untuk penyatupaduan nasional. [KPT 01/KPT 02].
- Selanjutnya, tema "Kurikulum dalam pendidikan falsafah bahasa untuk penyatupaduan nasional" telah menemui 5 elemen yang berkaitan kurikulum falsafah bahasa untuk penyatupaduan nasional. [KK 01/ KK 02].

- e. Tema "Strategi pembelajaran murid dalam pendidikan falsafah bahasa untuk penyatupaduan nasional" mempunyai 5 elemen yang dikemukakan sebagai strategi pembelajaran dalam kalangan murid pelbagai etnik. [SPM 01/ SPM 02].
- f. Akhir sekali, tema "Strategi pengajaran guru dalam pendidikan falsafah bahasa untuk penyatupaduan nasional" mempunyai 5 elemen yang diketengahkan sebagai garis panduan kepada guru Bahasa Melayu dalam merancang pengajaran bahasa Melayu yang lebih menyeluruh dan seimbang. [SPG 01/ SPG 02].

DAPATAN PUSINGAN KEDUA

Dalam sesi pusingan kedua ini instrumen soal selidik telah digunakan untuk mengutip data dalam kalangan informan yang terdiri daripada 21 orang panel pakar. Dalam pusingan ini, tahap persetujuan daripada informan diperlukan terhadap item yang telah dibina dalam sesi pusingan pertama Delphi. Selain itu, informan juga digalakkan untuk melakukan tiga perkara, iaitu menambah item baharu, menggugurkan item sedia ada atau menambah baik item. Selanjutnya, data dianalisis menggunakan Ukuran Kecenderungan Berpusat, iaitu skor min dan median serta Julat Antara Kuartil.

Pada pusingan kedua Delphi ini dapatan keseluruhan untuk keenam-enam tema menunjukkan tahap persetujuan atau konsensus yang tinggi dalam kalangan pakar terhadap 30 item yang telah diteliti oleh mereka, iaitu apabila skor JAK 0.00 hingga 1.00. Pusingan kedua ini menunjukkan semua item bagi setiap tema berada dalam skor JAK 1.00. Dalam pusingan ini juga beberapa cadangan telah diberikan oleh informan untuk penambahbaikan item sedia ada, misalnya dari segi struktur ayat, tanda baca dan sebagainya. Selain itu, penambahbaikan juga melibatkan penambahan tema "pengujian dan penilaian" dengan beberapa elemen tambahan.

DAPATAN PUSINGAN KETIGA (Tema dan Elemen Mencapai Konsensus Tinggi)

Jadual 4: Analisis Tahap Konsensus pakar terhadap Tema Matlamat Falsafah Bahasa untuk Penyatupaduan Nasional

Bil	Tema/Elemen Falsafah Bahasa untuk Penyatupaduan Nasional	Min	Med	*JAK	Tahap Konsensus
A. KONSEP					
1	Pemupukan konsep bahasa Melayu sebagai bahasa negara dijalankan dengan lebih bersepadu dan menyeluruh.	4.76	5	0	Tinggi
3	Bahasa Melayu mempunyai kaitan yang erat dengan sejarah dan aspirasi negara	4.73	5	0	Tinggi
8	Menitikberatkan usaha memperkembangkan potensi murid dengan matlamat Pendidikan Kebangsaan Falsafah.	4.73	5	0	Tinggi
13	Potensi berbahasa merupakan kurniaan Tuhan yang perlu dihargai untuk memupuk persefahaman antara pelbagai etnik.	4.56	5	1	Tinggi
19	Setiap individu menggunakan bahasa untuk menyampaikan fakta yang betul dan sahih	4.48	5	1	Tinggi

Nota:

JAK* = Julat Antara Kuartil

Dalam pusingan ketiga memperlihatkan tiga elemen mendapat skor JAK 0.00. Antaranya ialah elemen "Pemupukan konsep bahasa Melayu sebagai bahasa negara dijalankan dengan lebih bersepadu dan menyeluruh"(elemen 1). Dalam konteks kajian ini, bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan telah berjaya menjadi asas terbentuknya konsep negara yang berdaulat dan telah menjadi faktor penyatupaduan rakyat yang ampuh. Sebagai bahasa rasmi pula, bahasa Melayu telah menjadi wahana komunikasi rasmi yang menggerakkan jentera pentadbiran kerajaan dalam membangunkan negara dalam pelbagai sektor. Sektor utama negara seperti pentadbiran, pendidikan, undang-undang dan kehakiman serta media massa telah mencapai tahap kemajuan dan kecekapan yang membanggakan melalui bahasa Melayu sebagai wahana utamanya (Awang Sariyan, 2009). Elemen berikutnya ialah "bahasa Melayu mempunyai kaitan yang erat dengan sejarah dan aspirasi negara", iaitu (elemen 3) selari dengan pandangan Awang Sariyan (2010) tentang peranan bahasa Melayu sebagai asas pembinaan tamadun bangsa melalui sorotan sejarah yang meliputi tiga tahap gelombang yang dikemukakannya. Gelombang pertama memperlihatkan kebangkitan tamadun Melayu, iaitu semasa zaman Melayu Kuno. Pada zaman ini telah munculnya kerajaan Melayu tua seperti kerajaan Campa, Langkasuka dan Sriwijaya. Bahasa Melayu pada zaman ini telah memainkan peranan dalam tiga aspek iaitu sebagai bahasa pentadbiran kerajaan, bahasa perdagangan dan bahasa pengajian agama. Gelombang tahap kedua perkembangan tamadun Melayu ditandai oleh kebangkitan kerajaan-kerajaan Melayu dalam bentuk sistem kesultanan. Kesultanan Melayu Melaka muncul pada awal abad ke-15 dan telah membawa perubahan terhadap Tanah Melayu, rantau Asia Tenggara dan menjadi penyambung kewujudan empayar di alam Melayu, sesudah runtuhnya empayar Sriwijaya. Bahasa Melayu dalam zaman Kesultanan Melayu yang dikenali sebagai bahasa Melayu Klasik merupakan bahasa yang hingga kini dapat dikenal bentuknya dan difahami, meskipun mempunyai gaya yang berlainan daripada bahasa Melayu kini. Dalam zaman pascamerdeka, bahasa Melayu mengalami peluasan peranan, bukan sahaja sebagai asas pembinaan tamadun bangsa Melayu tetapi juga asas pembinaan tamadun bangsa Malaysia. Dengan perkataan lain, gelombang tahap ketiga ini memperlihatkan peranan bahasa Melayu telah merentas etnik dengan matlamat untuk penyatupaduan nasional.

Elemen yang lain masih mengekalkan skor JAK 1.00. Potensi berbahasa yang ingin dikembangkan ini perlulah mempunyai keselarisan dengan matlamat Falsafah Pendidikan Kebangsaan untuk melahirkan murid yang seimbang dari segi jasmani, emosi, rohani dan intelek. Keseimbangan ini amat penting agar setiap murid berupaya untuk berfikir sebelum melakukan sesuatu perkara. Justeru, pewarisan nilai ke arah memupuk masyarakat yang bersatu-padu dapat dijalankan bermula di peringkat persekolahan melalui PdPc bahasa Melayu yang sarat nilai melalui kaedah penyerapan ilmu dan nilai (pendidikan umum).

Jadual 5 : Analisis Tahap Konsensus pakar terhadap Tema Matlamat Falsafah Bahasa untuk Penyatupaduan Nasional

Bil	Tema/Elemen Falsafah Bahasa untuk Penyatupaduan Nasional	Min	Med	*JAK	Tahap Konsensus
B. MATLAMAT					
2	Setiap bangsa perlu mempunyai bahasanya sendiri untuk bertaaruf atau berkenal-kenalan.	4.76	5	0	Tinggi
10	Memupuk sikap agar lebih menghormati budaya kaum lain.	4.76	5	0	Tinggi
11	Membina individu murid yang mempunyai kesantunan berbahasa yang baik untuk negara.	4.76	5	0	Tinggi
13	Melahirkan individu yang mempunyai rasa setia terhadap bahasa Melayu sebagai bahasa negara.	4.62	5	1	Tinggi
15	Menyemai rasa keinsafan tentang sejarah perjuangan menuntut kemerdekaan negara.	4.38	4	1	Tinggi

Nota:

JAK* = Julat Antara Kuartil

Dalam pusingan ketiga menunjukkan tiga elemen mendapat skor JAK 0.00. Antara elemen tersebut ialah “ setiap bangsa perlu mempunyai bahasanya sendiri untuk bertaaruf atau berkenal-kenalan” (elemen 2); “memupuk sikap agar lebih menghormati budaya kaum lain” (elemen 10) dan “membina individu murid yang mempunyai kesantunan berbahasa yang baik untuk negara”(elemen 11) adalah disokong oleh pandangan Hashim Musa (2008) di dalam buku beliau bertajuk *Hati Budi Melayu Pengukuhan Menghadapi Cabaran Abad ke 21*. Beliau berpendapat entiti Melayu sebagai satu konsep budaya bukan kaum, bangsa dan negara, ia merangkumi pelbagai bangsa dan keturunan. Justeru, teras hati budi Melayu itu yang juga meliputi peranan bahasa Melayu menjadi paksi kepada pembentukan tamadun Melayu yang unggul yang telah mampu menguasai seluruh alam Melayu selama hampir seribu tahun.

Elemen yang lain masih mengekalkan skor JAK 1.00. Dapatan keseluruhan tentang elemen yang terkandung dalam tema matlamat falsafah bahasa untuk penyatupaduan nasional menunjukkan tahap persetujuan atau konsensus yang tinggi dalam kalangan pakar terhadap 5 elemen yang dinilai semula oleh mereka, apabila mendapat skor JAK 0.00 hingga 1.00

Jadual 6: Analisis Tahap Konsensus pakar terhadap Tema Kepentingan Falsafah Bahasa untuk Penyatupaduan Nasional

Bil	Tema/Elemen Falsafah Bahasa untuk Penyatupaduan Nasional	Min	Med	*JAK	Tahap Konsensus
C. KEPENTINGAN					
2	Membentuk murid yang memastikan bahasa yang keluar hasil tapisan akal fikirannya.	4.76	5	0	Tinggi
3	Menyedarkan setiap murid bahawa bahasa sebagai cerminan akal budi bangsa	4.62	5	0	Tinggi
5	Melahirkan “nasionalisme bahasa” yang menjadi asas penting dalam pembentukan konsep kenegaraan.	4.62	5	1	Tinggi
7	Memupuk amalan keindahan berbahasa dalam masyarakat pelbagai etnik.	4.48	5	1	Tinggi
9	Wacana tertutup untuk membina persefahaman antara kaum yang berlainan budaya dan agama.	4.48	5	1	Tinggi

Nota:

JAK* = Julat Antara Kuartil

Dapatan keseluruhan berkaitan dengan elemen yang terkandung dalam tema kepentingan falsafah bahasa untuk penyatupaduan nasional menunjukkan tahap persetujuan atau kesepakatan yang tinggi dalam kalangan pakar terhadap 5 elemen yang dinilai semula oleh mereka, apabila memperoleh skor JAK 0.00 hingga 1.00. Dalam pusingan ketiga menunjukkan dua elemen mendapat skor JAK 0.00, iaitu “membentuk murid yang memastikan bahasa yang keluar hasil tapisan akal fikirannya” (elemen 2) dan “ menyedarkan setiap murid bahawa bahasa sebagai cerminan akal budi bangsa” (elemen 3) memperkukuh pendapat Mohd Rashid Md Idris (2012) bahawa proses komunikasi perlu mematuhi nahu atau sistem tatabahasa yang secara tidak langsung membina kesantunan berbahasa dalam kalangan murid. Hal ini kerana, komunikasi ialah proses apabila kedua-dua pihak yang terlibat membentuk dan berkongsi makna antara satu sama lain dengan tujuan untuk mencapai kesefahaman.

Elemen yang lain masih mengekalkan skor JAK 1.00. Dapatan ini menunjukkan bahawa pakar yang mempunyai kewibawaan ilmu terhadap bidang lain juga menyokong dan bersetuju terhadap idealisme pembinaan kerangka Falsafah Pendidikan Bahasa bagi bahasa Melayu sebagai bahasa negara.

Jadual 7: Analisis Tahap Konsensus pakar terhadap Tema Kurikulum Falsafah Bahasa untuk Penyatupaduan Nasional

Bil	Tema/Elemen Falsafah Bahasa untuk Penyatupaduan Nasional	Min	Med	*JAK	Tahap Konsensus
D. KURIKULUM					
1	Berlandaskan prinsip pertama Rukun Negara iaitu kepercayaan kepada Tuhan.	4.62	5	1	Tinggi
5	Menekankan usaha “pemanusiaan manusia”.	4.57	5	1	Tinggi
6	Menekankan aspek pengembangan potensi berbahasa untuk mensejahterakan alam.	4.52	5	1	Tinggi
8	Menitikberatkan persoalan kesetiaan terhadap bahasa Melayu (<i>language loyalty</i>).	4.52	5	1	Tinggi
14	Menekankan titik persamaan yang sepunya dan universal antara murid pelbagai etnik.	4.48	5	1	Tinggi

Nota:

JAK* = Julat Antara Kuartil

Dapatan keseluruhan berkaitan dengan elemen yang terkandung dalam tema kurikulum falsafah bahasa untuk penyatupaduan nasional menunjukkan tahap persetujuan atau kesepakatan yang tinggi dalam kalangan pakar terhadap 5 elemen yang dinilai semula oleh mereka, apabila memperoleh skor JAK 0.00 hingga 1.00. Dalam pusingan ketiga ini skor JAK masih kekal 1.00 bagi setiap elemen. Elemen yang terkandung dalam tema kurikulum untuk penyatupaduan nasional yang telah disepakati oleh pakar ini memfokuskan kepada pendidikan bahasa Melayu sebagai suatu cabang pendidikan umum dan perlu diketengahkan melalui kaedah penyerapan ke dalam subjek bahasa Melayu. Dapatan ini menunjukkan bahawa kurikulum falsafah pendidikan bahasa sebagai sub Falsafah Pendidikan Kebangsaan perlu diformalisasikan agar proses pendidikan bahasa yang dilaksanakan memenuhi falsafah yang selaras dengan falsafah induk ini agar proses pengajaran dan pembelajaran bahasa mempunyai matlamat yang jelas dalam melahirkan individu yang seimbang seterusnya memupuk penyatupaduan dalam kalangan murid pelbagai kaum. Dapatan terhadap elemen-elemen ini memperkukuh pandangan Awang Sariyan (2016;2004;1997) dan Mohd Rashid Md Idris (2012;2007) yang menyatakan bahawa Falsafah Pendidikan Bahasa perlu diformalisasikan sebagai subfalsafah Pendidikan Kebangsaan agar proses pendidikan bahasa yang dilaksanakan memenuhi falsafah yang selaras dengan falsafah induk itu. Mereka telah mengemukakan Falsafah Pendidikan Bahasa, seperti yang berikut, iaitu: (i) mengembangkan potensi berbahasa kurniaan Tuhan; (ii) pendidikan bahasa sebagai upaya membuat penelitian dan berfikir (pengembangan potensi individu); (iii) pendidikan bahasa sebagai suatu cabang pendidikan umum; (iv) pendidikan bahasa sebagai wahana pewarisan nilai-nilai kehidupan bermasyarakat kepada generasi baharu; (v) berbahasa mengikut nahunya agar maksud yang hendak disampaikan mencapai objektifnya, dan (vi) berbahasa untuk menyampaikan maklumat atau fakta yang betul dan benar.

Jadual 8: Analisis Tahap Konsensus pakar terhadap Tema Strategi Pembelajaran Murid dalam Pendidikan Falsafah Bahasa untuk Penyatupaduan Nasional

Bil	Tema/Elemen Falsafah Bahasa untuk Penyatupaduan Nasional	Min	Med	*JAK	Tahap Konsensus
E. STRATEGI PEMBELAJARAN MURID					
2	Memberikan penekanan kepada aspek keterampilan berkomunikasi.	4.71	5	0	Tinggi
5	Pemupukan rasa hormat terhadap bahasa Melayu sebagai bahasa Negara.	4.62	5	1	Tinggi
9	Menekankan proses sosialisasi yang baik antara murid pelbagai etnik.	4.62	5	1	Tinggi
1	Memberikan ruang kepada murid pelbagai etnik untuk mengetahui budaya masing-masing.	4.52	5	1	Tinggi
10	Penyerapan nilai kewarganegaraan yang terpuji dalam kalangan murid.	4.48	5	1	Tinggi

JAK* = Julat Antara Kuartil

Dapatan keseluruhan berkaitan elemen yang terkandung dalam tema strategi pembelajaran murid dalam pendidikan falsafah bahasa untuk penyatupaduan nasional menunjukkan tahap persetujuan atau konsensus yang tinggi dalam kalangan pakar terhadap 5 elemen yang dinilai semula oleh mereka, apabila memperoleh skor JAK 0.00 hingga 1.00. Dalam pusingan ketiga ini menunjukkan sebanyak satu elemen mendapat skor JAK 0.00, iaitu “ Memberi penekanan kepada aspek keterampilan berkomunikasi” (elemen 2) memperkukuh pendapat Awang Sariyan (2009;2004) yang menyatakan bahawa pembudayaan bahasa Melayu melalui sistem pendidikan. Beliau menegaskan kerajaan perlu memberikan penegasan yang lebih berat kepada usaha pembudayaan bahasa Melayu sebagai asas peneguhan tamadun bangsa Malaysia dalam dua aspek yang penting. Pertama ialah pelaksanaan penggunaan bahasa Melayu sebagai bahasa utama dalam proses pemerolehan dan pengembangan ilmu, selaras dengan perancangan yang dilakukan oleh Jawatankuasa Pelajaran Razak 1956 yang kemudiannya diperkukuh oleh Jawatankuasa Penyemak Pelajaran Rahman Talib 1960 dan dimaktubkan dalam Akta Pelajaran 1961 dan Akta Pendidikan 1996. Sebarang usaha berundur daripada keputusan yang penting dan bijaksana serta telah membuktikan kejayaan dalam proses pembinaan

negara hendaklah dielakkan. Kejayaan Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) dan universiti-universiti lain dalam pelaksanaan bahasa Melayu sebagai bahasa ilmu untuk pelbagai bidang ilmu tidak harus direncanakan. Aspek yang kedua ialah pembudayaan bahasa yang baik, teratur, santun dan mewakili budaya tinggi melalui kegiatan pengajaran dan pembelajaran, sukatan pelajaran, buku teks dan bacaan tambahan serta melalui pelbagai kegiatan kokurikulum. Dengan pembudayaan sedemikian, diharapkan landasan pelbagai ragam bahasa tidak rasmi, sama ada bahasa sembang internet, bahasa sistem pesanan ringkas (SMS) atau yang lain tidak akan menggugat bahasa yang mewakili budaya teras.

Jadual 9: Analisis Tahap Konsensus pakar terhadap Tema Strategi Pengajaran Guru dalam Pendidikan Falsafah Bahasa untuk Penyatupaduan Nasional

Bil	Tema/Elemen Falsafah Bahasa untuk Penyatupaduan Nasional	Min	Med	*JAK	Tahap Konsensus
F. STRATEGI PENGAJARAN GURU					
1	Membuat rancangan mengajar tahunan yang memasukkan unsur pendekatan bersepadu secara terancang dan berterusan.	4.81	5	1	Tinggi
2	Sentiasa mengingatkan murid untuk menanam rasa cinta ikhlas kepada bahasa Melayu.	4.67	5	1	Tinggi
3	Sentiasa mengingatkan kepada murid bahawa bahasa Inggeris penting sebagai bahasa ilmu dan bukan untuk menjadi penutur jati bahasa tersebut.	4.67	5	1	Tinggi
5	Memperoleh maklumat dan fakta yang tepat semasa proses pengajaran bahasa Melayu.	4.52	5	1	Tinggi
7	Memilih bahan rangsangan yang sarat nilai penyatupaduan nasional.	4.42	5	1	Tinggi

JAK* = Julat Antara Kuartil

Dapatan keseluruhan berkaitan elemen yang terkandung dalam tema strategi pengajaran guru dalam pendidikan falsafah bahasa untuk penyatupaduan nasional menunjukkan tahap persetujuan atau kesepakatan yang tinggi dalam kalangan pakar terhadap 5 elemen yang dinilai semula oleh mereka, apabila memperoleh skor JAK 0.00 hingga 1.00. Dalam pusingan ketiga ini skor JAK masih kekal 1.00 bagi setiap elemen. Dapatan kajian yang berkaitan dengan elemen “mengingatkan murid bahasa Inggeris penting sebagai bahasa ilmu dan bukan menjadi penutur jati bahasa tersebut” (elemen 3) adalah penegasan Nik Safiah Karim (2007) yang menyatakan bahawa sikap terhadap persoalan bahasa Inggeris perlulah berdasarkan pendekatan ‘menang-menang’. Bahasa Melayu untuk tujuan maruah bangsa dan jati diri, bahasa Inggeris untuk tujuan menimba ilmu dan perhubungan dengan dunia luar.

Jadual 10: Analisis Tahap Konsensus pakar terhadap Tema Pengujian dan Penilaian dalam Pendidikan Falsafah Bahasa untuk Penyatupaduan Nasional

Bil	Tema/Elemen Falsafah Bahasa untuk Penyatupaduan Nasional	Min	Med	*JAK	Tahap Konsensus
G. PENGUJIAN DAN PENILAIAN					
2	Item pengujian dan penilaian yang bersesuaian dan relevan kepada semua murid yang berbeza latar belakang budaya dan etnik.	4.52	5	1	Tinggi
4	Pengujian dan penilaian yang seimbang dari segi penguasaan sistem bahasa dan pembinaan sahsiah diri.	4.43	5	1	Tinggi
5	Mengenal pasti keperluan dan kelemahan dalam pendidikan bahasa sebelum langkah penambahbaikan dapat diambil.	4.43	5	1	Tinggi
7	Memberi fokus kepada perdebatan yang bertatasusila	4.38	5	1	Tinggi
10	Proses penilaian yang sistematik dilakukan untuk mendapatkan maklum balas daripada guru tentang masalah yang dihadapi murid dalam pembelajaran.	4.35	5	1	Tinggi

JAK* = Julat Antara Kuartil

Dapatan keseluruhan berkaitan elemen yang terkandung dalam tema pengujian dan penilaian dalam pendidikan falsafah bahasa untuk penyatupaduan nasional menunjukkan tahap persetujuan atau kesepakatan yang tinggi dalam kalangan pakar terhadap 5 elemen yang dinilai semula oleh mereka, apabila memperoleh skor JAK 0.00 hingga 1.00. Dalam pusingan ketiga ini skor JAK masih kekal 1.00 bagi setiap elemen.

Dapatan kajian berkaitan dengan pelaksanaan elemen “pengujian dan penilaian yang seimbang dari segi penguasaan sistem bahasa dan pembinaan sahsiah diri” (elemen 4) adalah selari dengan pandangan Awang Sariyan (2004) yang menyatakan bahawa penguasaan bahasa perlu menitikberatkan penguasaan sistem dan kemahiran bahasa. Selain itu, penyuburan tradisi pemikiran dan

budaya ilmu melalui kreativiti bahasa mampu mewujudkan suasana pengajaran dan pembelajaran bahasa Melayu yang sarat dengan nilai-nilai kecintaan terhadap bahasa Melayu dan negara Malaysia.

Di dalam bilik darjah, pengujian digunakan untuk mengukur perubahan tingkah laku yang berkaitan dengan aktiviti pembelajaran. Dengan perkataan lain, pengujian merupakan suatu pengukuran yang bertujuan mendapatkan maklumat tentang pencapaian murid dari aspek kognitif, psikomotor dan afektif yang dilaksanakan secara sistematik, formal dan biasanya dalam bentuk bertulis. Pengujian memerlukan murid bertindak secara eksplisit seperti menjawab secara lisan, bertulis, mendemonstrasikan atau melalui perubahan tingkah laku yang berkaitan dengan perkara-perkara yang telah dipelajari. Oleh itu, semasa proses pengujian, pemerhatian dan ujian formal biasanya digunakan sebagai instrumen pengukuran. Penilaian dalam pendidikan ialah proses menentukan kualiti, keberkesanan atau nilai bagi suatu program, produk, projek, proses, objektif atau kurikulum (Worthen & Sanders, 1987). Perkara penting dalam penilaian adalah membuat pertimbangan atau penghakiman (*judgement*) terhadap kualiti, keberkesanan atau nilai suatu pendidikan. Penilaian dalam pendidikan juga boleh dilihat sebagai sistem atau proses yang meliputi aktiviti-aktiviti mengumpul maklumat tentang strategi dan aktiviti PdPc, untuk membuat analisis dan keputusan mengambil tindakan yang selanjutnya (Mohd Khaidir Abdul Wahab, 2017).

KESIMPULAN

Dalam kajian ini, terdapat dua implikasi utama hasil daripada dapatan kajian, implikasi dasar dan sumbangan kepada bidang ilmu linguistik dan pendidikan bahasa Melayu. Implikasi dasar merujuk kepada beberapa perkara berkaitan dasar Kementerian Pendidikan Malaysia, Dewan Bahasa dan Pustaka dan sebagainya dalam usaha pelaksanaan penyerapan elemen falsafah bahasa dalam PdPc bahasa Melayu di sekolah. Kajian ini memberi sumbangan besar dalam usaha memperkembangkan lagi bidang falsafah bahasa yang dilihat sebagai sesuatu yang abstrak dan sukar difahami.

Dapatan kajian ini juga selari dengan aspirasi Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (2013-2025). Aspirasi yang dimaksudkan ialah aspirasi yang keempat berkaitan perpaduan. Aspirasi keempat ini bertujuan untuk memastikan sistem pendidikan yang menawarkan pengalaman dan nilai kepada kanak-kanak dengan menghargai kepelbagaian. Selain itu, hasrat kerajaan untuk memartabatkan bahasa Melayu sebagai bahasa ilmu juga diterjemahkan dalam pelan tersebut. Seterusnya, penyerapan nilai kepada murid-murid untuk mewujudkan penyatupaduan akan dapat dicapai sekiranya pelaksanaan penyerapan elemen falsafah bahasa untuk penyatupaduan nasional melalui ketujuh-tujuh tema, iaitu konsep, matlamat, kepentingan, kurikulum, strategi pembelajaran murid, strategi pengajaran guru dan pengujian dan penilaian dapat dilaksanakan dengan jayanya di sekolah. Pelaksanaan penyerapan elemen falsafah bahasa untuk penyatupaduan nasional di semua sekolah akan meningkatkan profesionalisme keguruan dalam kalangan guru Bahasa Melayu khususnya dalam PdPc bahasa Melayu di dalam kelas.

Walaupun kajian ini tidak dapat mengesahkan faktor pelaksanaan penyerapan elemen falsafah bahasa untuk penyatupaduan nasional sebagai faktor penyebab wujudnya penyatupaduan dalam PdPc bahasa Melayu, namun demikian dapatan berkaitan konsep, matlamat, kepentingan, kurikulum, strategi pembelajaran murid, strategi pengajaran guru dan pengujian dan penilaian yang menunjukkan elemen-elemen yang terkandung dalam setiap tema tersebut mampu diketengahkan untuk meningkatkan kesedaran dan keilmuan guru Bahasa Melayu tentang peri pentingnya aspek falsafah yang mendasari PdPc bahasa Melayu. Kesedaran dan nilai keilmuan ini yang mungkin menjadi faktor kepada wujudnya semangat kebersamaan antara murid-murid pelbagai kaum.

RUJUKAN

- A. Chadar Alwasilah. (2010). *Filsafat Bahasa dan Pendidikan*. Bandung: Remaja Rosdakarya.
- Asep Ahmad Hidayat. (2009). *Filsafat Bahasa Mengungkap Hakikat Bahasa, Makna dan Tanda*. Bandung: PT Remaja Rosdakarya.
- Awang Sariyan. (2016). *Asas Falsafah dan Pemikiran Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Awang Sariyan. (2014). *Peranan Bahasa Dalam Pembinaan Insan dan Pembangunan Negara*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Awang Sariyan. (2010). *Asas Falsafah dan Pemikiran Melayu Berteraskan Islam*. Kuala Lumpur: Penerbitan Ilham Baru.
- Awang Sariyan. (2010). *Pemartabatan Bahasa Kebangsaan Dalam Pembinaan Negara Bangsa. Syarahan Bahasa sebagai Penyandang Kursi Pengajian Melayu Malaysia-China anjuran Dewan Bahasa dan Pustaka Wilayah Timur dan IPG Tengku Ampuan Afzan*. Kuala Lipis, 25 Februari.
- Awang Sariyan. (2009). *Peranan Bahasa Dalam Pembinaan Insan dan Pembangunan Masyarakat Hadhari*. *Jurnal Hadhari*, 1. 1-29.
- Awang Sariyan. (2004). *Teras Pendidikan Bahasa Melayu Asas Pegangan Guru*. Bentong: PTS Publications & Distributors
- Awang Sariyan. (1997). *Falsafah Pendidikan Bahasa: Kajian tentang Konsep dan Pelaksanaannya dengan Rujukan Khusus kepada Pendidikan Bahasa Melayu Peringkat Sekolah Menengah*. Disertasi Doktor Falsafah, Jabatan Pengajian Melayu, Universiti Malaya.
- Babbie, E. R. (2007). *The Practice of Social Research*. (Edisi ke 9). USA: Wadsworth Thomson Learning.
- Boonon, K. (1979). *The Future of Teacher Education in Thailand: A Delphi Application*. *Disertasi Doktor Falsafah*, University of Alabama.
- Creswell, J. W. (2008). *Educational research: Planning, Conducting, and Evaluating Quantitative and Qualitative Research*. (Edisi ke 3). New Jersey: Pearson Prentice Hall.

- Donnelly, J. R. (2006). Student Ratings of Faculty: Differences by Employment Status and Grades Given. *University of Virginia, Ph.D., 2006. DAI*, 67 (6), 206A.
- Gordon, T. J., & Helmer, O. (1964). *Report on a long-range forecasting study*. Santa Monica, CA: Rand.
- Grbich, C. (2007). *Qualitative Data Analysis: An Introduction*. Thousand Oaks, California: Sage Publications Ltd.
- Grisham, T. (2009). The Delphi Technique: A Method for Testing Complex and Multifaceted Topics. *International Journal of Managing Projects in Business*, 2 (1), 112-128.
- Hashim Musa & Rozita Che Rodi. (2010). Pemupukan Perpaduan dan Semangat Cinta Negara Malaysia di Kalangan Rakyat Jelata. Dlm. Mohd Sharifudin bin Yusof, et al. (Ed.). *Penyelidikan Linguistik Bahasa dan Budaya. Prosiding Seminar Antarabangsa Linguistik dan Pembudayaan Bahasa Melayu ke-VI*, (hlm.1-18). Jabatan Bahasa Melayu, Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi, Universiti Putra Malaysia, 05-06 Oktober.
- Hashim Musa. (2008). *Hati Budi Melayu Pengukuhan Menghadapi Cabaran Abad Ke-21*. Serdang: Universiti Putra Malaysia.
- Hashim Musa. (2006). *Pengantar Falsafah Bahasa* (Edisi Kedua). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Holland, M. (2007). Analysing and Interpreting the Data. Dlm. C. Daymond & I. Holloway. (Ed.). *Qualitative Research Methods in Public Relations and Marketing Communications*. (hlm. 231-246). Florence, KY, USA: Routledge.
- Hsu, C. C. & Sandford, B. A. (2007). The Delphi Technique: Making Senses of Consensus. *Practical Assessment, Research & Evaluation*, 12(10). Dilyari pada 10 Julai 2018 daripada <http://pareonline.net/getv.asp?v=12&n=10>
- Jefferson, G. (1984). On Stepwise Transition from Talk about A Trouble to Inappropriately Nextpositioned Matters. Dlm. J.M. Atkinson & J.C. Heritage (Ed.). *Structures of Social Action: Studies of Conversation Analysis* (hlm. 191-222). Cambridge: Cambridge University Press.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2016). *Kurikulum Standard Sekolah Menengah Bahasa Melayu Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran Tingkatan 1 Bahagian Pembangunan Kurikulum*. Putrajaya: Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Khairuddin Mohamad, Ghazali Ismail & Mastura Mohamed Berawi. (2014). *Sejarah Perkembangan Bahasa Melayu, Perkamusan dan Terjemahan*. Selangor: Penerbitan Multimedia Sdn. Bhd.
- Landeta, J. & Barrutia, J. (2011). People Consultation to Construct the Future: A Delphi Application. *International Journal of Forecasting*, 27, 134-151.
- Linstone, H. A., & Turoff, M. (Ed.). (2002). *The Delphi Method: Techniques and Applications*. [Versi Elektronik]. Dicapai daripada <http://is.njit.edu/pubs/delphibook/ch1.html>.
- Manizade, A. G., & Mason, M. M. (2010). Using Delphi Methodoly to Design Assessments of Teachers' Pedagogical Content Knowledge. *Educational Studies of Mathematics*, 76, 183-207.
- Mohd Khaidir Abdul Wahab. (2017). *Pembinaan Model Falsafah Bahasa untuk Penyatupaduan Nasional*. Disertasi Ijazah Doktor Falsafah, Fakulti Bahasa dan Komunikasi, Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Mohd Khaidir Abdul Wahab, Mohd Rashid Md. Idris dan Abd Kadir Ariffin (2017). Penyerapan Elemen Falsafah Bahasa untuk Penyatupaduan Nasional di Sekolah Kluster Kecemerlangan (Kebitaraan Bahasa Melayu). *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*. Vol. 7 (2), 13-29.
- Mohd Khaidir Abdul Wahab dan Mohd Rashid Md. Idris. (2016). Interpretasi Guru Bahasa Melayu terhadap Penyerapan Elemen Falsafah Bahasa untuk Penyatupaduan Nasional: Satu Kajian Analisis Keperluan. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*. Vol. 6(1), 1-15.
- Mohd Rashid Md Idris. (2012). *Teori Falsafah Bahasa (Teori Rashid)*. Tanjong Malim: Penerbit Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Mohd Rashid Md Idris & Abu Hassan Abdul. (2010). Kajian Semula Falsafah Pendidikan Bahasa Melayu Sekolah Menengah di Malaysia. Geran Penyelidikan (2010-0013-107-01). Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Mohd Rashid Md Idris. (2007). Falsafah Bahasa: Nilai Estetik dan Intelek dalam Pantun. *Disertasi Doktor Falsafah*, Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya.
- Muhammad Faizal A.Ghani & Abd. Khalil Adnan. (2015). Model Program Perkembangan Profesionalisme Guru Malaysia: Satu Kajian Analisis Keperluan di Sekolah Berprestasi Tinggi dan Sekolah Berprestasi Rendah. *Jurnal Kepimpinan Pendidikan*, 2,2,1-16
- Muhammad Faizal A. Ghani. (2008). Pembentukan Model Keberkesanan dan Penambahbaikan Sekolah di Malaysia. *Disertasi Doktor Falsafah*, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Norlidah Alias (2010). *Pembangunan modul pedagogi berasaskan teknologi dan gaya pembelajaran Felder-Silverman kurikulum Fizik sekolah menengah*. Tesis Ijazah Doktor Falsafah yang tidak diterbitkan, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Norlidah Alias & Saedah Siraj. (2010). Development of Physics Pedagogical Module based on Technology and Learning Style. *The Third Asia Pacific Research Association Conference*. Kuala Lumpur: Non-ISI/Non-SCOPUS Cited Publication.
- Parmjit Singh, Puzziawati Abdul Ghani, & Teoh, Sian Hoon. (2009). *Quantitative Data Analysis for Novice Researchers*. Kuala Lumpur: Primera Publishing.
- Rosnah Ishak. (2013). Pembinaan Profil Amalan Terbaik Organisasi Pembelajaran untuk Sekolah Malaysia. *Disertasi Doktor Falsafah*, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Saedah Siraj & Mohd Paris Saleh. (2010). *Jangkaan Masa Depan Terhadap Aplikasi Teknologi dalam Pengajaran dan Pembelajaran Peringkat Sekolah Menengah: Pandangan Pakar*. Dilyari pada 10 Julai 2018 daripada <http://www.slideshare.net/norelianamdsharif/saedah-um>.
- Saedah Siraj (2008). *Kurikulum masa depan*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Saedah Siraj dan dan Faridah Abdullah (2005). Jangkaan Masa Depan Terhadap Aplikasi Teknologi Dalam Kandungan Kurikulum dan Penilaian Sekolah Menengah: Satu Kajian Delphi. *Jurnal Pendidikan*. Vol. 25 (1), 5-25.
- Skulmoski, G. J., Hartman, F. T. & Krahn, J. (2007). The Delphi Method for Graduate Research. *Journal of Information Technology Education*, 6. 31-52.

- Stylianides, M. & Pashiardis, P. (2007). The Future of Our Schools: An Example of the Delphi Technique in Action and the Case of Cyprus. *International Journal of Educational Management*, 21 (5), 384-406.
- Su-Fen, C., Chien-Lin, K., Kuan-Chia, L. & Lee-Hsieh, J. (2010). Development and Preliminary Testing of A Self-Rating Instrument to Measure Self-Directed Learning Ability of Nursing Students. *International Journal of Nursing studies*, 47, 1152-1158.
- Teo, Kok Seong. (2015). Prasangka Terhadap Bahasa Melayu Perlu Dihentikan. *Berita Harian*, 27.
- Teo, Kok Seong. (2010). Pemansuhan PPSMI pada Tahun 2012: Memartabatkan Bahasa Melayu di Institusi Pendidikan. *Kertas Kerja yang Dibentangkan dalam Kolokium Kebangsaan Memartabatkan Bahasa Melayu di Institusi Pendidikan*. Anjuran Sekolah Pendidikan dan Pembangunan Sosial, Universiti Malaysia Sabah (UMS), pada 11 & 12 Mei 2010, di Universiti Malaysia Sabah.
- Worrell, J., Di Gangi, P. M. & Bush, A. (2012). Exploring the Use of the Delphi Method in Accounting Information System Research. *International Journal of Information System*, doi:10.1016/j.accinf.2012.03.03.
- Worthen B. R. & Sanders J. R. (1987). *Education Evaluation: Alternative Approaches and Practical Guidelines*. New York: Longman.

Mohd Khaidir Abdul Wahab
Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan
Universiti Sains Malaysia
Email: mohdkhaidir@usm.my,